

Strategi kurangkan pekerja asing di sektor binaan

U.M 15/01/08 M/S 11

LANGKAH kerajaan untuk mengurangkan pekerja secara berperingkat-peringkat menarik untuk dibincangkan. Walaupun sudah acap kali isu ini dimainkan, isu pekerja asing nampaknya menjadi isu yang tidak berkesudahan. Ia datang dan pergi.

Pelbagai bentuk pendekatan dicadangkan dan diketengahkan namun, ia tidak menampakkan satu perancangan yang menyeluruh dalam jangka panjang.

Melahirkan pekerja tempatan bagi mengimbangi lambakan pekerja asing ini bukanlah suatu perkara yang mudah yang boleh dicapai dalam tempoh beberapa bulan, atau beberapa tahun.

Ada dua isu yang berbeza yang perlu dilihat berkaitan pekerja asing ini.

Pertama, kehadiran pekerja asing ini dilihat mengganggu-gugat peluang rakyat tempatan, seperti yang telah dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) baru-baru ini. Ekoran daripada ini, timbul cadangan-cadangan yang menggesa kerajaan melakukan sesuatu bagi memastikan rakyat tempatan diberi keutamaan.

Kedua, apakah rakyat tempatan bersedia untuk memikul kekosongan yang bakal ditinggalkan oleh pekerja asing ini sekiranya cadangan pengurangan berperingkat-peringkat ini dilaksanakan.

Justeru, pengurangan secara berpe-

ringkat-peringkat seperti yang diumumkan itu, hendaklah disertai juga dengan perancangan jangka panjang bagi mewujudkan pekerja tempatan juga secara berperingkat-peringkat.

Perlu diingat, usaha untuk melahirkan pekerja tempatan ini pula, bukan terletak di bahu kerajaan semata-mata. Sebaliknya ia perlu ditangani oleh semua pihak terutama para majikan.

Terbukti suatu ketika dulu di mana langkah kerajaan menghantar pulang pekerja asing ke negara asal telah memberi impak yang besar khususnya kepada sektor binaan. Bukan sedikit tapak-tapak pembinaan yang ditutup terus, kerana rupa-rupanya di sektor binaan ini, 90 peratus dimonopoli oleh pekerja asing.

Akibatnya, banyak projek-projek tergendala. Akhirnya kerajaan terpaksa mengambil langkah yang lebih liberal dengan memberi peluang semula mengizinkan majikan untuk terus mengambil pekerja asing.

Persoalannya di manakah kesudahannya kebergantungan kepada pekerja asing ini? Jelas, strategi jangka panjang menjadi satu keperluan yang mendesak dan ia perlu dirangka untuk tempoh tertentu bagi memastikan kebergantungan kepada pekerja asing ini akan menemui noktahnya.

Bagi pihak kerajaan melalui kementeri-

an-kementerian tertentu sebenarnya telah mengambil berbagai langkah yang perlu bagi memastikan negara mempunyai pekerja yang mencukupi bagi memenuhi keperluan negara. Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) telah melatih belia-belie khusus dalam meningkatkan kemahiran yang diperlukan dan ia terdapat di mana-mana sahaja.

Di sektor binaan sahaja, sejumlah 170 ILKA diwujudkan. Akademi Binaan Malaysia - 6, Institut Latihan Perindustrian - 10, Institut Latihan Kemahiran Belia Negara - 9, Institut Kemahiran Mara - 9, dan Pusat Giat Mara - 136. Bilangan tersebut tidak termasuk institusi kemahiran lain seperti politeknik, kolej komuniti serta sekolah-sekolah teknik dan vokasional. Dilaporkan juga, beberapa pusat latihan kemahiran akan terus dibina lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kalau kita dapat memastikan pelatih-pelatih ini disalurkan ke sektor berkaitan mengikut kemahiran yang dimiliki, negara seharusnya mampu mengimbangi bilangan pekerja asing. Mana tidaknya, dalam sektor binaan ini, bilangan pekerja mahir yang telah berjaya dilatih oleh ILKA dilaporkan mencapai 15,000 setahun.

Kerajaan juga melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) sejak dahulu

lagi sering menyarankan sudah sampai waktunya industri binaan perlu merangka strategi untuk melahirkan pekerja-pekerja mahir di kalangan pekerja tempatan.

Perlu diingat, isu kekurangan pekerja tempatan merupakan suatu yang tidak boleh dipandang mudah. Bukan sahaja peluang pekerjaan akan dimonopoli sepenuhnya oleh pekerja asing ini, bahkan dengan jumlah 2.2 juta pekerja asing yang wujud sekarang, setiap bulan negara telah kerugian sejumlah RM440 juta (andaian pekerja menghantar RM200 setiap bulan ke negara asal), dan dalam tempoh satu tahun sahaja negara kerugian RM5.28 bilion akibat dari pengeluaran wang keluar negara. Itu belum mengambil kira bilangan pekerja yang tidak sah.

Dapatkah kita bayangkan apakah bentuk pembangunan yang boleh kita manfaatkan dengan wang sejumlah itu?

Semua majikan harus melihat dengan positif cadangan kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing secara berperingkat-peringkat ini, dan menjadikan cadangan ini sebagai cabaran bagi membuktikan jati diri mereka kepada negara.

**- PROF. MADYA ZAKARIA
MOHD. YUSOF
Universiti Teknologi Malaysia.**